Jurnal Serambi Ilmu
Journal of Scientific Information and Educational Creativity
Vol. 25, No.1
Maret 2024
pISSN 1619–4849
eISSN 2549-2306

Pembelajaran Hukum dan Batasan Dagu Wanita Ketika Shalat Menurut Pandangan Ulama Beberapa Mazhab

Suryadi Marzuki[1], Shukri Ahmad[2], Nor Hanani Ismail[3], Ibrahim[4]

[1]Suryadi Marzuki adalah adalah Mhs. Program Doktoral Universiti Utara Malaysia
Email : zaidmarzuq40@gmail.com
[2]Shukri Ahmad Guru Besar pada Universiti Utara Malaysia
Email: shuk494@uum.edu.my
[3]Nor Hanani Ismail Guru Besar pada Universiti Utara Malaysia
Email : norhanani@uum.edu.my
[4]Ibrahim adalah Dosen Universitas Serambi Mekkah, Aceh, Indonesia
Email : ibrahim.sufi@serambimekkah.ac.id

Abstract
Syariat menetapkan syarat sah shalat bagi wanita muslimah adalah menutup aurat ketika shalat. Ketidak sempurnaan wanita menutup aurat boleh memberikan kesan ibadah shalat batal atau kurang ganjaran pahala. Penelitian ini dilakukan bertujuan mengenal pasti hukum dan batasan dagu wanita yang boleh didedahkan ketika shalat menurut pandangan ulama mazhab. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan teks dalam kitab-kitab turath. Analisis ini menggunakan kitab-kitab muktabar dari pelbagai pandangan ulama mazhab. Data-data yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara induktif dan komparatif bagi menghasilkan kesimpulan yang tepat. Hasil kajian mendapati ulama mazhab secara konsensus dan jelas berpandangan bahawa muka wanita tidak termasuk aurat. Mazhab Mālikiyah dan Hanafiyah berpendapat wanita harus mendedahkan bahagian muka ketika shalat, begitu juga mazhab Hanbaliyah kecuali shalat di hadapan lelaki ajnabī, wajib menutup muka. Mazhab Syāfi'iyah berpendapat wajib mendedahkan muka ketika shalat. Kajian juga mendapati jumhur ulama berpandangan bahawa dagu wanita termasuk aurat ketika shalat, namun tidak semua ulama mazhab bersetuju mendedahkan dagu boleh membatalkan shalat, kecuali mazhab Syafi'iyah berpendapat mendedahkan dagu membatalkan shalat.

Katakunci: aurat wanita, empat mazhab, shalat, dagu wanita

PENDAHULUAN

Syariat berfungsi menetapkan sesuatu hukum ibadah, umpamanya menjaga aurat wanita. Justeru, syariat turut menjelaskan perkara yang membatalkan atau merusakkan ibadah tersebut. Misalnya, syarat sah ibadah shalat bagi wanita adalah dengan menutup aurat dan ketidak sempurnaan wanita menutup aurat dalam ibadah shalat boleh memberikan kesan, sama ada batal atau kurangnya ganjaran pahala. Hukum dan batasan aurat ketika shalat yang disepakati meliputi bahagian seluruh badan wanita kecuali

muka dan kedua telapak tangan. Namun perincian pada bahagian-bahagian tersebut diperselisihkan di dalam kalangan ulama. Misalnya, batasan bahagian muka wanita yang terbuka.

Selain itu, kajian ini akan membicarakan perincian hukum dan batasan aurat wanita muslimah ketika shalat pada bahagian muka menurut pandangan para ulama empat mazhab dan sama ada dagu termasuk sebahagian daripada muka yang boleh didedahkan ketika shalat atau tidak termasuk sebahagian daripada muka yang wajib ditutup ketika shalat. Kerana perkara ini kurang diberikan perhatikan oleh wanita muslimah ketika menunaikan shalat.

ULASAN KARYA

Antara pakaian khas shalat yang selalu dipakai oleh wanita muslimah di Nusantara adalah telekung di Malaysia dan di Indonesia dinamakan sebagai mukena (Muhammad Aiman Bin Roszaimi. (2021).. Pakaian khas shalat telekung atau mukena diperkenalkan pada abad ke 14 pada zaman wali sembilan (Bina Karya, 2009) di Indonesia. Ketika itu pakaian wanita Indonesia dengan memakai kemban yang mendedahkan dada bagian atas sehingga kepala, untuk memenuhi syarat menutup aurat dalam shalat maka direka pakaian khas untuk shalat yang dapat menutup seluruh anggota badan kecuali muka dan kedua tapak tangan (Noni Mirantika dan Saortua Marbun).

Selain itu, perbahasan berkaitan dengan hukum dan batasan aurat wanita ketika shalat ada dibicarakan dalam kitab-kitab fiqh. Misalnya kitab *Fiqh ʻalā Mazāhibi al-Arbaʼaṯ* oleh Abdul Rahman bin Audh al-Jazīrī (t.t). Namun kitab ini hanya membicarakan pandangan hukum dan batasan aurat wanita muslimah menurut empat mazhab secara umum tanpa perbahasan dalil dan hujah. Begitu juga kitab *Jilbāb al-Marʻaṯ al-Muslimaṯ fi al-Kitāb wa al-Sunnaṯ* yang ditulis oleh Muhammad Nasiruddin al-Albānī (2002) dan kitab bertaju *Hijāb al-Marʻaṯ Muslimaṯ wa Libāsuhā fi al-Ṣalaṯ* yang ditulis oleh Ibnu Taimiyah (1985). Kedua buku ini membicarakan aurat ketika shalat tanpa membicarakan secara khusus hukum dan batasan dagu wanita, sama ada termasuk aurat atau tidak.

Kata aurat berasal daripada perkataan Arab iaitu *al-ʻauraṯ* bermaksud aib, tercela, cacat atau sesuatu yang dirasa malu (Al-Munawwir, 1997 dan Lūīs Maʼlūf, 2002). Menutup aurat pula bermaksud, menggunakan sesuatu untuk menutup sesuatu yang tercela dan cacat daripada dilihat orang lain (Lūīs Maʼlūf, 2002; Zaidān, 1993; Ibnu al-Athīr, t.t. dan Al-Abādī, 2005).

Menutup aurat bermaksud tidak mendedahkan aurat yang melambangkan bahagian sesuatu daripada anggota badan wanita yang haram didedah atau sesuatu anggota badan yang wajib ditutup dan disembunyikan dan haram orang bukan mahram melihatnya (Lūīs Maʼlūf, 2002 dan Zaidān, 1993). Selain itu, aurat juga dikenali dengan istilah jilbab (bahasa arab: *jilbāb*). Kata *jalābīb* adalah jamak daripada *jilbāb* yang

bermaksud *Qamīs* (sejenis kain jubah yang menutupi seluruh badan, *khimār* (tudung), pakaian bahagian atas seperti selimut (Lūīs Ma'lūf, 2002 dan Harun, t.t.).

Adapun dari sudut syarak, jilbab adalah gamis (baju kurung panjang, sejenis jubah) yang menutup seluruh badan termasuk tudung serta kain yang melapisi di luar baju seperti kain selimut atau baju hujan (al-Munawwir, 1997 dan Harun, t.t.). Ibnu Hajar al-Athqalānī (wafat 852 H) berkata, jilbab adalah *muqanna'aṯ*, iaitu tudung atau lebih lebar daripadanya, pakaian yang lebar lebih kecil daripada kain penutup, selendang, kain yang menutupi leher dan baju kurung (al-Athqalāni, t.t.).

Ibnu al-Athīr (wafat 630 H) pula berkata jilbab adalah mantel dan jubah yang digunakan wanita untuk menutupi seluruh badan (Ibnu al-Athīr, t.t.). Al-Syibawī berpendapat jilbab adalah pakaian yang menutup seluruh badan dan setiap wanita lebih mengetahui tentang pakaian yang menutupi seluruh badannya, di mana dia tidak memerlukan belajar mengenai tatacara pemakaiannya (Al-Atharī, 2007).

Al-Qurṭubī (1367) dalam tafsirnya berkata jilbab bererti kain yang lebih besar ukurannya dari *khimār* (tudung), sedang yang benar menurutnya jilbab adalah kain yang menutup semua badan (Al-Qurṭubī, 1367). Ibnu Kathīr (wafat 774 H) menukilkan jilbab ialah seperti selendang yang dikenakan di atas *khimār* yang sekarang ini sama fungsinya seperti *izār* (Ibnu Katsir, 1999 dan al-Albānī, 2002).

Para ulama mazhab mempunyai kaedah fikh tersendiri dalam menyimpulkan sesuatu hukum dan batasa aurat wanita muslimah ketika shalat. Misalnya, mazhab Hanafiyah menggunakan al-Quran, al-Sunnah, *Qiyās, Istiḥsān* sebagai sumber hukum (Zaidān, 1976). Mazhab Malikiyah menggunakan al-Quran, al-Sunnah, Ijmak, *Qiyās*, Amalan Ahli Madinah (Perbuatan Penduduk Madinah), Perkataan Sahabi, *Istiḥsān*, *Saddu al-Zarāi', Murātu al-Khilāf, Istisḥāb, Maslaḥaṯ Murṣalaṯ dan Syar'u Man Qablanā* (syariat nabi terdahulu) dalam menyimpulkan sesuatu hukum (Zaidān, 1976 dan Abu Zahrah, 1982).

Mazhab al-Syafi'iyah menggunakan al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan *Qiyās* sebagai sumber hukum dalam menyimpulkan sesuatu hukum dalam perkara fiqh (Zaidān, 1976; Ibnu Hazam, t.t dan al-Khallāf, 1984). Mazhab Hanbaliyah menggunakan al-Quran, al-Sunnah, Ijmak para sahabat, Fatwa sahabi, *Qiyās, Istisḥāb*, *Maslaḥaṯ Murṣalaṯ* dan *Saddu Zarā'i* sebagai sumber hukum dalam perkara fiqh (Ibnu Hazam, t.t; Zaidān, 1976; Khalil, 2004; al-Qarāfī, 1972; al-Ghazālī, 1997dan Hasbī al-Ṣiddīqqī, 1997).

Berdasarkan perbincangan ini, adakah muka dan dagu wanita muslimah termasuk aurat atau tidak ketika shalat? Kertas kerja ini menganalisis hukum dan batasan muka dan dagu wanita muslimah mengikut pandangan ulama empat mazhab.

METODELOGI

Kertas kerja ini menggunakan kaedah kepustakaan menganalisis data kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunkasi yang dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, ide tema, atau apa apa sahaja mesej yang dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2005 dan Babbie, 2010).

Hal ini sebagaimana yang ditakrifkan Fraenkel dan Wallen (1993) bahawa analisis dokumen sama seperti analisis kandungan bertulis dan hampir semua jenis kandungan komunikasi bertulis dapat dianalisis dengan pelbagai cara. Kepercayaan, sikap, nilai dan idea seseorang atau kumpulan sering dinyatakan dalam dokumen yang mereka hasilkan (Fraenkel & Wallen, 1993).

Antara bahan yang dirujuk adalah kitab-kitab *turāth* para ulama empat mazhab iaitu mazhab Mālikiyah seperti *Ḥāsyiaṭ al-Dusūqī 'ala Syarḥi al-Kabīr, Syarḥu al-Kitāb Sir al-Kabīr, Mawāhibu al-Jalīl Syarḥu Mukhtasar Khalil, al-Taj wa al-Iklī li Mukhtasar Khalīl*.

Kitab mazhab Hanafiyah iaitu *al-Mabsūṭ, Badā'i al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Syarā'i, al-Hidāyaṭ Syarḥu Bidāyaṯ al-Mubtadī, Fathu al-Qadīr, al-'Ināyaṯ Syarḥu al-Hidāyaṭ, al-Hidāyaṯ Syarhu al-Bidāyaṯ, Raddu al-Muḥtār 'ala al-Dar al-Mukhtār, al-Dar al-Mukhtār Syarḥu Tanwīru al-Abṣār, Tibyīn al-Ḥaqā'iq Syarḥu Kanzu al-Daqā'iq wa Bihāmisyīhi Ḥāsyiah Syiblī, Majmū' al-Anhar fi Syarḥi Multaqa al-Abḥār, Jāmi' Ahkām al-Ṣighār.*

Kitab mazhab Syāfi'iyah adalah *al-Umm li Syafi'i bi Riwāyaṭ al-Rabī' Sulaimān al-Maradī Kitāb Mukhtaṣar al-Muzanī, Nihāyaṯ al-Muḥtāj ila Syarḥi al-Minhāj, al-Majmū' Syaraṯ al-Muhadhab*. Manakala kitab mazhab Hanbaliyah adalah *Kasyāf al-Qinā' al-Matan al-Iqnā', Syarḥu Muntahā al-Idāraṯ (Syarḥu Muntahā), al-Mughnī, al-Mustaqni', al-Muqni' li Ibnī Qudāmaṯ*. Selain itu kajian kitab tafsir, hadis, uṣūl fiqh, *maqāsid* dan karya-karya ulama kontemporari dan buku lain seperti jurnal, kertas kerja persidangan turut dijadikan rujukan bagi mengumpulkan data dan maklumat.

Seterusnya, semua data dan maklumat yang khusus tentang perkara yang dikaji akan dikumpul kemudian dibuat penyataan khusus (Mohd Michael, 1995 dan Barnadib, 1982) dan kaedah analisis kandungan dilakukan bagi membuat perbandingan batasan muka dan dagu wanita muslimah ketika shalat berdasarkan pandangan ulama empat mazhab.

HASIL PENELITIAN DAN PEMBAHASAN

Pandangan para ulama empat mazhab tentang hukum dan batasan muka wanita muslimah ketika shalat dapat diperincikan seperti berikut:

1. Hukum dan Batasan Muka Wanita Ketika Shalat

Para ulama empat mazhab seacara uimumnya bersepakat bahawa bahagian muka wanita muslimah ketika shalat harus didedahkan. Namun dalam keadaan dan situasi tertentu para ulama empat mazhab berselisih padanya.

Ulama mazhab Syāfi'iyah berpendapat bahawa seluruh anggota badan wanita adalah aurat kecuali muka dan kedua telapak tangan. Imam al-Syāfi'ī mengatakan, wajib bagi wanita ketika shalat menutup seluruh badan kecuali kedua telapak tangan dan muka (Al-Marādī, 1381; al-Nawawī, t.t; al-Syirāzī, t.t dan al-Zuhailī, 1986). Dalam perkara ini mazhab Syāfi'iyah tidak membezakan antara batasan aurat wanita ketika shalat dan di hadapan khalayak ramai. Ini sepertimana telah dinukilkan penjelasannya oleh al-Syihāb daripada al-Baiḍawī ketika mentafsirkan surah al-Nūr ayat 31. Beliau mengatakan tidak ada perbezaan batasan aurat wanita muslimah ketika shalat atau di luar shalat, sama ada dihadapan mahram ataupun lelaki asing (Al-Khafājī, 1283 dan al-Alūsī, t.t).

Pendapat di atas dipersetujui oleh ulama mazhab Hanbaliyah, iaitu Ibnu Qudāmah (Ibnu Qudāmah, 1367) dan al-Buḥūtī yang dinukilkan oleh al-Tuwaijirī dalam kitabnya (Al-Tuwaijirī, 1979). Namun begitu, para ulama mazhab Hanbaliyah berbeza pendapat dalam menentukan sama ada wanita wajib memakai niqāb atau tidak ketika shalat. Imam Ahmad selain berpendapat wanita harus mendedahkan muka ketika shalat, didapati juga beliau mengatakan sebaliknya. Ibnu Taimiyah juga menegaskan bahawa terdapat dua pendapat dalam mazhab Hanbaliyah berkaitan perkara tersebut (Ibnu Taimiyah, 2007). Hal ini juga disebutkan juga oleh al-Buḥūtī dan al-Tuwaijirī (Al-Tuwaijirī, 1979).

Perselisihan tersebut sepertimana dikatakan oleh al-Ḥijawī al-Maqdisī ulama mazhab Hanbaliyah (w 968 H). Beliau mengatakan, jika wanita shalat di hadapan lelaki asing *(ajnabī)* atau khalayak ramai maka wanita wajib menutup mukanya dan makruh hukumnya wanita shalat dengan tidak menutup muka di hadapan lelaki asing (Al-Syarbinī, 2004). Al-Ṣan'ānī (wafat 1255 H) juga berpendapat bahawa wanita boleh mendedahkan muka ketika shalat, jika tidak ada lelaki asing melihat kepadanya (Al-Ṣan'ānī, 1379).

Namun demikian, majoriti ulama mazhab Hanbaliyah berpendapat wanita tidak wajib menutup muka ketika shalat. Pendapat ini merupakan ijmak ulama dan kesepakatan kaum muslimin (Ibnu Taimiyah, 2007). Pernyataan ini juga di sokong oleh al-Kandahlawī (w 1345 H) yang menyebutkan, kewajipan wanita mendedahkan muka ketika shalat merupakan pendapat ijmak (Al-Saḥar al-Nufūrī, 2006). Al-Ruhaibanī juga mengatakan hal yang sama iaitu dalam mazhab kami, wanita boleh mendedahkan muka ketika shalat, sama ada wanita merdeka atau hamba (Hasan Syātī, 1961).

Pendapat di atas disepakati juga oleh Muhammad 'Ilyasī, ulama mazhab Malikiyah, bahawa batasan aurat wanita merdeka adalah wajib ditutup seluruh badan kecuali muka dan kedua telapak tangan, hal ini berlaku ketika shalat ('Ulaisī, 1999). Al-Tuwaijirī mengatakan bahawa kesemua pendapat di atas berdasarkan tafsiran al-Quran Surah al-Nūr ayat 31 menurut tafsiran Ibnu Abbas, Aisyah dan Ibnu Mas'ūd RA yang menyatakan bahawa wanita adalah aurat (HR. Tirmizī).

Dan riwayat daripada Ummu Salamah, apabila Nabi SAW ditanyakan bolehkah wanita shalat hanya dengan memakai baju kurung dan tudung tanpa memakai jubah (kain)? Maka baginda menjawab: jika baju kurung itu lebar (panjang) menutup tumit kedua telapak kakinya (HR. Abu Dawud). Al-Maradī menyatakan ulama dalam kalangan Hanafiyah dan Malikiyah berbersepakat bahawa hukum dan batasan aurat wanita ketika shalat tidak sahaja dikecuali muka dan kedua telapak tangan tetapi juga mengecualikan kedua tapak kaki (Al-Maradī, 1381).

Berdasarkan pandangan para ulama di atas, dapat dirumuskan bahawa bahagian muka wanita muslimah tidak termasuk aurat ketika shalat dan ini merupakan kesepakatan para ulama empat mazhab. Namu begitu mazhab Malikiyah, Hanafiyah berpendapat harus bagi wanita muslimah mendedahkan bahagian muka ketika shalat. Manakala mazhab Syāfi'iyah berpendapat wajib mendedahkan bahagian muka ketika shalat. Sebahagian ulama Hanbaliyah pula berpendapat harus bagi wanita mendedahkan bahagian muka dan sebahagian yang lain berpendapat wajib menutup muka ketika shalat dihadapan lelaki asing.

2. Hukum dan Batasan Dagu Wanita Ketika Shalat.

Pada asalnya makna muka ketika shalat sama sahaja dengan makna muka yang dibasuh ketika mengambil wuduk. Sepertimana dijelaskan oleh al-Bujairamī, kata beliau *wa haddu al-wajhu ṭūlan ma baina manābitu sya'ri ra'sahu wa taḥta muntahā liḥyaihi wa humā bi fathi al-lām alā al-masyhūr al-'adhamāt al-lazāni tanbutu 'alaihimā al-asnāni al-suflā wa 'ardhan mā baina uzunaihi liana al-wajhu mā taqa'u bihi al-muwājihatu wa hiya taqa'u bizālika,* bermaksud *batasan muka ialah di antara tempat tumbuh rambut kepala dan bahagian bawah hujung tulang dagu. Iaitu tulang tempat tumbuh gigi bahagian bawah hingga di antara dua telinga dan muka adalah bahagian yang terlihat ketika saling berhadapan dengan seorang* (Mustafa al-Halabī, 1345).

Al-Nawāwī ketika menjelaskan maksud muka iaitu *al-wajhu 'inda al-'arab ma ḥaṣlat bihi al-muwājihah* bererti muka dalam bahasa Arab adalah anggota badan yang saling berhadapan. Al-Syirāzī pula (W 476 H) menjelaskan batasan wajah secara lebih terperinci iaitu *al-wajhu ma baina manābat sya'ru al-ra'si ilā al-zuqni wa muntahā al-liḥyaini ṭūlan, wa min al-uzuni 'ardhan,* bermaksud muka adalah bahagian diantara tempat tumbuh rambut kepala hingga ke dagu hujung dua rahang dan daripada tragus sebelah kanan hingga tragus sebelah kiri (tonjolan yang berada di depan lubang telinga dekat dengan pipi). Menurut al-Nawāwī maksud muka di atas lebih tepat dan pandangan inilah yang diikuti oleh para ulama al-Syāfi'iyah dan ditegaskan al-Syāfi'i dalam kita al-Umm (Al-Nawāwī, t.t).

Perkara sama juga dinyatakan oleh ulama Mālikiyah iaitu al-Haithām tentang batasan muka adalah *ṭūlan min manābiti sya'ri al-ra'si al-mu'tādi ilā muntahā al-zuqni fi ḥaqqi man laisat lahu liḥyatu wa ammā man lahu liḥyatu fayaghsilu dhāhiraha walau ṭālat wa al-zuqnu mujma'u al-liḥyaini,* bererti bahagian depan kepala yang biasa tumbuh rambut hingga hujung janggut bagi orang yang tidak mempunyai janggut dan

bagi orang yang mempunyai janggut, maka dia membasuh bahagian permukaan janggut walaupun janggutnya panjang. Manakala dagu adalah bahagian bertemunya dua tulang rahang (Al-Haithām, 1328).

Berdasarkan penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa dagu bukan sebahagian daripada muka, tapi termasuk sebahagian daripada hujung janggut dan leher. Oleh demikian dagu termasuk dalam aurat dalam shalat. Sepertimana dinyatakan dalam *fatāwā syabakah al-Islamiyah* oleh Ibnu Taimiyah ketika menjelaskan tentang dagu, beliau berkata *kulluhu yatabayana anna asfala al-zuqni min al-wajhi, wa lā yajūzu li al-mar'ati kasyfuha fī al-ṣalāh, liannahu laisa mimmā taḥṣilu bihi al-muwājihah,* bermaksud berdasarkan penjelasan di atas dagu tidak termasuk sebahagian daripada muka, tidak boleh bagi wanita mendedahnya (dengan sengaja) ketika shalat. Kerana bahagian ini, bukan anggota badan yang digunakan untuk berhadap-hadapan (Fatāwā Syabkah Islamiyah, no. 121534).

Sebaliknya, ulama mazhab Hanafiyah seperti Ibnu 'Ābidīn berpandangan bahawa dagu wanita termasuk sebahagian daripada muka yang boleh didedahkan ketika shalat. Kata beliau *wamā nazala min al-zuqni laisa min al-wajhi 'indanā khilāfan li al-Syāfi'ī,* bermaksud *bahagian yang berada dibawah dagu tidak termasuk daripada muka (bukan aurat) menurut kami (madzhab Hanafiyah), berbeāa dengan pendapat ulama Syāfi'iyah* (Ibnu 'Ābidīn, 1386).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, walaupun ada ulama yang berpandangan bahawa dagu wanita termasuk aurat ketika shalat. Namun tidak semua ulama berpandangan mendedahkan dagu ketika shalat boleh membatalkan shalat. Hanya ulama mazhab Syāfi'iyah yang berpandangan tidak sah shalat jika mendedahkan dagu ketika shalat, manakala jumhur ulama berpandangan sebaliknya, shalat tetap dikira sah walaupun dagu terdedah. Ini juga pandangan yang di*rajih*kan oleh Ibnu Taimiyah. Walaubagaimanapun sebagai *ihtiyāṭ* (berjaga-jaga) sebaiknya dagu ditutup ketika shalat dan ini termasuk salaha satu kaedah keluar daripada khilaf para ulama di atas.

Oleh kerana, wujud perselisihan pendapat ulama mengenaik hukum dagu wanita, sama ada termasuk aurat atau tidak dan boleh membatalkan shalat atau tidak jika terdedah ketika shalat, maka wanita muslimah boleh memilih pendapat mana yang lebih tepat dan mudah baginya. Kerana perkara ini termasuk dalam perkara cabang fiqh. Perbincangan di atas dapat diringkaskan berdasarkan pada jadual perbandingan berikut:

Mazhab / Aspek Perbandingan	Hanafiyah	Malikiyah	Syafi'iyah	Hanbaliyah
Muka	Harus didedahkan	Harus didedahkan	Wajib didedahkan	Wajib ditutup
Dagu	Wajib ditutup	Wajib ditutup	Wajib Ditutup	Wajib ditutup

DAFTAR KEPUSTAKAAN

‘Ulaīs, Muhammad bin Ahmad. (1999). *Syarḥu Manāḥu al-Jalīl ‘ala al-Mukhtaṣār al-‘Allamātu al-Khalīl wa Bihamisyāhu Hasyīah al-Musammāhu Taṣīl Manāhu al-Jalīl*. (Cetakan Ketiga). Penerbit Dar al-Ṣadīr.

Abu Zuhrah, Muhammad. (1982). *Uṣul Fiqh*. Beirut: Maktabaṯ Dār al-Fikr.

Al-Abādī, al-Fairūz Muhammad bin Ya’qūb. (2005). *Qamūs al-Muhīd*. Beirut: Penerbit Muassasah al-Risālah.

Al-Albānī, Muhammad Naṣiruddin. (2002). *Jilbāb al-Mar’ah al-Muslimah fi al-Kitāb wa al-Sunnah*. Solo: Penerbit al-Tibyan. Versi Arab: Kaherah: Penerbit Dār al-Salām.

Al-Alūsī, Abu Faḍl Syihābuddin. (t.t). *Rūḥu al-Ma’ānī fi Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aḍīm wa Sab’u al-Mathānī*. Mesir: Penerbit Idarah Ṭaba’ah al-Munīriyyah.

Al-Athari Abu Salma. (2007). Dicapai daripada http://ummunaufa.multiply.com.

Al-Ghazālī Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1997). *Al-Mustaṣfā fi ‘Ilmi al-Uṣul*. Beirut: Dar al Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Al-Haitham, Abu Abdillah Muhammad bin Muhammad bin Abdurrahman (1328 H). *Mawāhibu al-Jalīl Syarhu Mukhtaṣār Khalīl*. Cetakan Pertama. Mesir: Penerbit al-Sa’ādah.

Al-Jazīrī, Abdul Rahman bin Muhammad 'Audh (t.t.). *Al-Fiqh 'ala Mazāhib al-Arba‘ah*. Beirut: Penerbit Dāru al-Ihyā‘ al-Turāth al-'Arabī.

Al-Khaffājī al-Hanafī, Ahmad bin Muhammad bin Syihābudin. (1283 H). *‘Ināyaṯ al-Qāḍi wa Kifāyaṯ al-Rāḍi ‘ala Tafsīr al-Baiḍawī*. Beirut: Penerbit al-Khadīwiyah (copy Dar Ṣadīr).

Al-Maradi, Sulaiman. (1381 H). *Al-Umm li Syafi’i bi Riwāyātī al-Rabi’ Sulaiman al-Marādī.* Cetakan Pertama. Kaherah: Penerbit al-Fanniyah al-Muttaḥidaṯ.

Al-Munawwir, Ahmad Warson. (1997). *Kamus al-Munawwir*. (Cetakan Pertama). Surabaya: Penerbit Pustaka Progressif.

Al-Nawāwī, Muhyuddin Abu Zakaria bin Syaraf. (t.t). *Al-Majmu’ Syaraḥ al-Muhazzab*. Kaherah: Penerbit al-‘Aṣimah.

Al-Qarāfī, Syihabuddin Ahmad bin Idris, Taḥqīq: Ṭahā ‘Abdu al-Ra’ūf. (1972). *Syarḥ Tanqīḥ al-Fuṣul fi ‘Ilmi al-Uṣūl*. (Cetakan pertama). Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Qurṭūbī, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad. (1367 H). *Al-Jāmi’ li Ahkāmi al-Qur’ān*. Cetakan Ketiga. Mesir: Penerbit Dār al-Kutūb al-‘Arabī.

Al-Saḥār al-Nufūrī, Khalil bin Ahmad al-Sahar. (2006). *Bazlu al-Majhūd Liḥilli Sunan Abi Dāwud*. (Cetakan Pertama). Ḥaidar Abād- Hindia: Penerbit Dar al-Basyā’ir al-Islamiyah.

Al-Ṣan’ānī, Muhammad bin Ismail al-Amir. (1379 H). *Subulu al-Salām*. (Cetakan keempat). Mesir: Penerbit Maktabaṯ Musṭafā al-Bābī al-Ḥalabī. Mauqī’ Maktabaṯ al-Madinaṯ.

Page : 205 - 214

Al-Syarbinī, Muhammad bin Muhammad al-Khaṭīb. (2004). *Al-Iqnā' fi Hallī al-Alfāḍ Abī Syujā'*. (Cetakan Kedua). Beirut-Lubnan: Penerbit Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Al-Syirāzī, Abu Ishaq. (t.t). *Tab'ah al-Wahīdah al-Kāmilah Min Kitāb al-Majmū' Syarḥ al-Muhazzab matan al-Majmū' Li Syīrāzī Imām Zakarya al-Nawāwī*. Jeddah: Penerbit Maktabah al-Irsyād. https://waqfeya.net/book.php?bid=459.

Al-Tuwaijirī, Humud bin Abdullah bin Humud. (1979). *Al-Ṣarīm al-Masyhūr 'ala Ahli al-Tabarruj wa al-Sufūr*. (Cetakan Kedua). Penerbit Ḥalib Jami' al-Rauḍaṯ.

Al-Zuḥailī, Wahbah. (1986). *Uṣul Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Dar al-Fikr al-Ma'asīr.

Babbie E. (2010). *The Practice of Social Research.* USA: Penerbit Wadsworth Cengage Learning.

Fraenkel, Jack R. & Wallen, Norman E. (1993). *How To design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill.

Harun, Abdu al-Salām. (t.t). *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Kaherah: Penerbit Mujmā' al-Lughah al-'Arabiyah.

Hasan Syātī, Musṭafā. (1961). *Maṭālib Uli al-Nuhā fi Syarḥi Ghāyatu al-Muntahā wa Tajrid al-Ghāya wa Syaraḥ*. (Cetakan Pertama). Damsyiq- Syiria: Penerbit al-Maktab al-Islamī.

Ḥasbi al-Ṣiddīqī. (1997). *Pokok-pokok Pegangan Imam Mazhab.* Semarang: Penerbit Rizki Putra.

Ibnu 'Abidīn, Muhammad bin Amin al-Syahir. (1386 H). *Raddu al-Muhtār 'ala al-Dār al-Mukhtār Syarah Tanwīru al-Abṣār*. Cetakan kedua. Mesir: Penerbit Musṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulāduhu.

Ibnu al-Athīr. (t.t.). *Al-Nihāyah fi Gharībi al-Hadīth wa Athār*. Mesir: Penerbit Dār al-Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyah.

Ibnu Hazam al-Andalūsī, Abu Muhammad Ali bin Ahmad. (t.t.). *Al-Mahallā*. Beirut: Penerbit al-Maktab al-Tijāri.

Ibnu Kathīr, Ismail bin Umar Kathīr. (1999). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. (Cetakan Kedua). Riyaḍh: Penerbit Dār al-Ṭayyibah.

Ibnu Qudāmaṯ al-Maqdisī, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Qudāmaṯ. (1367 H). *Al-Mughnī*. (Cetakan Ketiga). Mesir: Penerbit Idāraṯ al-Manār.

Ibnu Taimiyah, Muhammad Taqiuddin. (1985). *Hijāb al-Mar'ah wa Libāsuhā fi al-Salāh*. Cetakan Kelapan. Penerbit, Maktabah Islami. Terjemahan Indonesia (2000). Hijab Wanita Muslimah dalam Shalat. (Cetakan Kedua). Solo- Jakarta: Penerbit al-Tibyān.

Ibnu Taimiyah, Muhammad Taqiuddin. (2007). *Hijab dan Pakaian Wanita Muslimah dalam Shalat.* Yogyakarta: Copyleft Maktabaṯ Abi Salmā al Atharī. Dicapai daripada http://dear.to/abusalma.

Khalil, Rosyad Hasan. (2004). *Tarīkh al-Tasyrī' al-Islāmī*. Cetakan 2004. t.n.p.

Lu'īs Ma'lūf. (1433 H). *Al-Munjid fi al-Lughah*. (Cetakan Ketiga puluh tujuh). Beirut-Lubnan: Penerbit al-Ghadīr.

Mustafa, al-Bābī al-Halabī. (1345). *Hasyīyah al-Bujairimī ʻalā Syarḥi al-Manhaj*. Mesir: Penerbit Maktabah Syamilah

Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya. Selangor: Penerbit Pearson Prentice Hall.

Zaidān, Abdul Karim. (1976). *Uṣūl Fiqh.* Baghda: Penerbit Muaṣṣasaṯ Qurtubaṯ.

Zaidān, Abdul Karim. (1993). *Al-Mufassal fi Ahkāmi al-Mar'aṯ*. (Cetakan Pertama). Beirut: Penerbit Muaṣṣasaṯ Risālaṯ.

Noni Mirantika, Saortua Marbun. *Pengaruh Modernisasi Terhadap Perkembangan Komodifikasi Mukena*. Jurnal Studi Kultural. Diterbitkan oleh An1mage. All rights reserved. http://journals.an1mage.net/index.php/ajsk.

Bina Karya, 2009, Sejarah Kebudayaan Islam: MI kelas VI, Erlangga, Jakarta.

Muhammad Aiman Bin Roszaimi. (2021). Kearifan Tempatan Nusantara: Panduan Asean Mengharungi Konflik Laut China Selatan. Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa). Perpustakaan Internasional Waqaf Illmu Nusantara. Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS). Universiti Sains Malaysia. https://waqafilmunusantara.com/wp-content/uploads/2021/09/183_Opinion_Kearifan-Tempatan-Nusantara-Competition-1)

Copyright © 2024, Suryadi Marzuki, Shukri Ahmad, Nor Hanani Ismail, Ibrahim
The manuscript open access article distributed under the Creative Commons Attribution License, which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited.